

١٤٥ - حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ قَالَ أَخْبَرَنَا يَحْيَى عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ حَبَّانَ أَنَّ عَمَّهُ وَاسِعَ بْنَ حَبَّانَ أَخْبَرَهُ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ أَخْبَرَهُ قَالَ لَقَدْ ظَهَرْتُ ذَاتَ يَوْمٍ عَلَى ظَهْرِ بَيْتِنَا فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَاعِدًا عَلَى لَبَتَيْنِ مُسْتَقْبِلَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ

145 - Ya'qub bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Harun meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad bin Yahya bin Habban, bahawa bapa saudaranya Waasi' bin Habban memberitahunya bahawa 'Abdullah bin 'Umar telah meriwayatkan kepadanya, kata beliau: "Pernah pada suatu hari saya naik ke atas bumbung rumah kami. Tiba-tiba saya ternampak Rasulullah s.a.w sedang duduk berpijak di atas dua batu bata dengan mengadap Baitulmaqdis²²."

باب الاستنجاء بالماء

15- Bab: Beristinja' Dengan Air²³.

١٤٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ هِشَامُ بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي مُعَاذٍ وَاسْمُهُ عَطَاءُ بْنُ أَبِي مَيْمُونَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ لِحَاجَتِهِ أَجْبَى أَنَا وَغُلَامٌ مَعَنَا إِدَاوَةٌ مِنْ مَاءٍ يَغْنِي يَسْتَنْجِي بِهِ

146 - Abu Al- Walid Hisyam bin 'Abdul Malik meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Mu'az - namanya 'Atha' bin Abi Maimunah - katanya: "Saya pernah mendengar Anas bin Malik meriwayatkan: "Nabi s.a.w apabila keluar untuk membuang air, saya sendiri dengan seorang lagi

²² Melalui dua hadits di dalam bab ini Imam Bukhari mahu membuktikan keharusan membuang air di atas atau di dalam rumah, apalagi jika dibuat binaan khusus untuknya seperti yang terdapat di rumah-rumah di zaman kita ini.

²³ Tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini dan mengemukakan di bawahnya hadits yang diriwayatkan oleh Anas ialah untuk menolak pendapat sebilangan Salaf baik dari kalangan Sahabat, Tabi'in atau 'ulama'-ulama' selepas mereka yang menganggap makruh menggunakan air untuk beristinja' selain mereka menafikan juga penggunaan air oleh Nabi s.a.w untuk beristinja'.

Glaser: budak lelaki
 budak lelaki²⁴ mengekorinya sambil membawa bekas air. *(Maksudnya ialah supaya Nabi s.a.w dapat beristinja' dengannya.)* -

باب مَنْ حَمَلَ مَعَهُ الْمَاءَ لِطَهْوِهِ وَقَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ أَلَيْسَ فِيكُمْ صَاحِبُ الثَّغَلَيْنِ وَالطَّهْوَرِ
 وَالْوَسَادِ *(bersuci dari seg' kotoran)*

16- Bab: Orang Yang Dibawa Air Bersamanya Untuk Dia Bersuci.

Abu Ad-Darda' berkata: "Tidakkah ada di antara kamu pembawa selipar, air untuk bersuci dan bantal (Nabi s.a.w)?"

١٤٧ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي مُعَاذٍ هُوَ عَطَاءُ بْنُ أَبِي مَيْمُونَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ لِحَاجَتِهِ تَبِعْتُهُ أَنَا وَغُلَامٌ (مِنَّا) مَعَنَا إِدَاوَةٌ مِنْ مَاءٍ

147 - Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Mu'az - dia adalah 'Atha' bin Abi Maimunah - katanya: Saya pernah mendengar Anas berkata: "Nabi s.a.w apabila keluar untuk membuang air, saya sendiri dengan seorang lagi budak lelaki dari kalangan kami mengekorinya sambil membawa bekas air." *Anas*

باب حَمْلِ الْعَنْزَةِ مَعَ الْمَاءِ فِي الْإِسْتِجَاءِ

17- Bab: Membawa Lembing Kecil Dan Air Untuk Beristinja'.

١٤٨ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي مَيْمُونَةَ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُ الْخَلَاءَ

²⁴ Tidak dapat dipastikan siapakah nama budak lelaki yang dikatakan menemani Anas di dalam hadits ini. Ada yang mengatakan dia Abu Hurairah atau Ibnu Mas'ud. Tetapi itu tidak benar kerana mereka berdua pada ketika itu bukan lagi layak dipanggil budak, lagipun Anas menyebutkan bahawa budak lelaki itu dari kalangan kami iaitu golongan Anshar seperti dapat anda lihat menerusi hadits di dalam bab selepas ini. Pendapat sesetengah 'ulama' yang mengatakan dia adalah Jabir mungkin lebih sesuai.

فَأَحْمِلُ أَنَا وَعِصًا مِنْ مَاءٍ وَعَنْزَةً يَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ تَابِعَهُ النَّضْرُ وَشَاذَانُ عَنْ شُعْبَةَ الْعَنْزَةِ
عَصًا عَلَيْهِ رُجٌّ

148 - Muhammad bin Basysyar meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin Ja'far meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada 'Atha' bin Abi Maimunah, dia pernah mendengar Anas bin Malik meriwayatkan: "Rasulullah s.a.w apabila masuk ke tempat membuang air, saya sendiri dengan seorang lagi budak lelaki membawa satu bekas air dan sebatang lembing kecil²⁵, untuk Nabi s.a.w beristinja' dengan air itu."

An-Nadhr dan Syazan menjadi mutabi' kepadanya dalam meriwayatkan (hadits ini) daripada Syu'bah. Al-'Anazah (lembing kecil) ialah tongkat yang dipasang di hujungnya besi tajam."

باب التَّهْيِ عَنْ الاسْتِجَاءِ بِالْيَمِينِ

18- Bab: Larangan Beristinja' Dengan Tangan Kanan.

١٤٩ - حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ فَضَالَةَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامُ هُوَ الدَّسْتَوَائِيُّ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَتَنَفَّسْ فِي الْإِنَاءِ وَإِذَا أَتَى الْخَلَاءَ فَلَا يَمَسْ ذَكَرَهُ يَمِينِهِ وَلَا يَتَمَسَّحُ بِيَمِينِهِ

149 - Mu'az bin Fadhalah meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam iaitu Ad-Dastawa'i meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Abi Katsir daripada 'Abdillah bin Abi Qatadah daripada ayahnya, katanya: Rasulullah bersabda: "Apabila

²⁵ Antara tujuan dibawakan lembing kecil ketika Nabi s.a.w keluar membuang air kecil ialah i- Untuk melembutkan dan menggemburkan tanah supaya air kencing tidak berterbangan sehingga mengenai kain Baginda dan mengotorkannya. ii- Untuk memecahkan tanah yang keras lalu mengambil ketolan-ketolannya yang kecil guna beristinja'. iii- Untuk dijadikan sutrah atau penghadang ketika bersembahyang. iv- Sebagai senjata jika menemui binatang buas atau reptilia yang berbisa. v- Sebagai senjata jika menemui musuh. vi- Untuk mengait sesuatu yang terletak di tempat yang tinggi. vii- Untuk menyangkut sesuatu supaya tidak kotor dan sebagainya.

seseorang daripada kamu minum, maka janganlah dia bernafas di dalam bekas (yang diminumnya) itu dan apabila dia pergi ke tempat membuang air, maka janganlah dia menyentuh kemaluannya dengan tangan kanan dan janganlah dia menyapu najis dengan tangan kanannya²⁶.”

بَاب لَا يُمَسِّكُ ذِكْرَهُ بِيَمِينِهِ إِذَا بَالَ

(Zahab)

19- Bab: Tidak Boleh Seseorang Memegang Kemaluannya Dengan Tangan Kanan Ketika Kencing

١٥٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا الْأَوْزَاعِيُّ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَأْخُذَنَّ ذِكْرَهُ بِيَمِينِهِ وَلَا يَسْتَنْجِي بِيَمِينِهِ وَلَا يَتَنَفَّسُ فِي الْأَنْاءِ

150 - Muhammad bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Auza'i meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Abi Katsir daripada `Abdillah bin Abi Qatadah daripada ayahnya daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu kencing maka janganlah sekali-kali dia memegang kemaluannya dengan tangan kanan. Dia tidak boleh beristinja' dengan tangan kanannya dan janganlah seseorang bernafas di dalam bekas minuman.” 14/3

بَابِ الْاسْتِجْاءِ بِالْحِجَارَةِ

20- Bab: Beristinja' Dengan Batu.

١٥١ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْمَكِّيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ عَمْرِو الْمَكِّيِّ عَنْ جَدِّهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَبَعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخَرَجَ لِحَاجَتِهِ فَكَانَ لَا يَلْتَفِتُ فَدَنَوْتُ مِنْهُ فَقَالَ ابْغِنِي أَحْجَارًا أَسْتَنْفِضُ بِهَا أَوْ نَحْوَهُ وَلَا تَأْتِنِي بِعَظْمٍ وَلَا رَوْثٍ فَأَتَيْتُهُ بِأَحْجَارٍ بِطَرَفِ ثِيَابِي فَوَضَعْتُهَا إِلَى جَنْبِهِ وَأَعْرَضْتُ عَنْهُ فَلَمَّا قَضَى أَتْبَعَهُ بِهِنَّ

²⁶ Larangan yang tersebut di dalam hadits ini menurut jumhur 'ulama' adalah larangan tanzihī atau ta'dibi tetapi menurut 'ulama' Zahiriyyah ia adalah larangan tahrimi.